



## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

---

### IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)** mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berpengalaman bagi mengisi kekosongan jawatan di KIAS. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut:

#### JAWATAN : PENOLONG PENDAFTAR (PERPUSTAKAAN)

- i) *Kumpulan Perkhidmatan* : Pengurusan dan Profesional
- ii) *Taraf Jawatan* : Kontrak
- iii) *Gred* : NK9
- iv) *Gaji Permulaan*: RM2,188.00 – 9,552.00
- v) *Elaun-Elaun Tetap*: RM850.00
- vi) *Syarat Kelayakan*:
  - ijazah sarjana muda kepujian Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau
  - ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau
  - Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; dan
  - Lulus Bahasa Malaysia/Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- vii) *Keutamaan adalah diberi kepada calon yang*:
  - *Mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan.*
  - *Calon mestalah fasih bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Arab / Bahasa Inggeris.*
- viii) *Ringkasan Jawatan* :
  - Berkebolehan untuk memahami analisis dan pengurusan data asas menggunakan perisian analisis statistik seperti SPSS dan lain-lain
  - Berkebolehan melaksanakan pemeliharaan dan keselamatan sumber maklumat seperti koleksi cetak, digital, multimedia, audio visual dan artifik.
  - Berkebolehan pendokumentasian dan pengurusan maklumat seperti pengkatalogan, pengkelasan, pengindeksan, penyediaan metadata dan penyediaan taxonomi.
  - Berkebolehan melaksanakan aplikasi ICT di perpustakaan seperti pengendalian sistem perpustakaan digital, pembangunan portal dan pengurusan kandungan digital perpustakaan.
  - Berkebolehan penyediaan perkhidmatan dan penyelidikan seperti perkhidmatan kumpulan pakar, perkhidmatan pangkalan data khusus, e- perkhidmatan, pempakejan maklumat, perkhidmatan maklumat terpilih, maklumat komuniti, program galakan membaca dan perkhidmatan nasihat serta perundingan kepada kumpulan sasar (pelajar, pensyarah dan penyelidik).

Permohonan jawatan kosong boleh dibuat menggunakan borang permohonan jawatan kosong yang boleh dimuat turun dari laman web KIAS ([www.kias.edu.my](http://www.kias.edu.my)). Permohonan yang lengkap beserta Curiculum Vitae (CV) terkini, gambar berukuran pasport, salinan sijil akademik yang telah disahkan dan lain-lain dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

**PENDAFTAR**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)  
KM 12, Jalan Kuala Krai  
Peti Surat 68, Nilam Puri  
15730 Kota Bharu  
Kelantan.

Tarikh tutup permohonan ialah pada **9 Februari 2025**.

Tarikh Iklan : 27 Januari 2025